

Jangan ghairah libat diri dgn perusahaan2 besar — Dr. M

MM 25 NOV 1979

KUALA LUMPUR 24 Nov. — Para usahawan bumiputera hari ini diingatkan supaya jangan terlalu ghairah untuk melibatkan diri dengan projek-projek perusahaan yang besar sedangkan terdapat perusahaan-perusahaan kecil yang lebih menguntungkan.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dalam peringatannya menggesa usahawan-usahawan bumiputera melibatkan diri dengan bidang perusahaan kecil dahulu sebelum berniat melangkah kepada rancangan yang lebih besar.

Ingatan Timbalan PM kepada usahawan2 bumiputera

Berucap merasmikan Konvensyen Usahawan Bumiputera di Universiti Malaya di sini, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian menegaskan bahawa peringkat penglibatan diri pada

bidang perusahaan kecil itu tidak seharusnya berterusan.

Ini katanya adalah kerana di tahap itulah seorang usahawan bumiputera mendalami tentang selok-belok pengurusan serta mengukuhkan asas perniagaannya.

Dr. Mahathir menekankan bahawa dalam sektor perniagaan tidak wujud jalan senang kerana satu-satu perniagaan yang sedang meningkat pada hari ini mungkin jatuh bangkrap pada keesokannya.

"Dari itu kita harus mengukur kemampuan dan keupayaan kita dari segi kewangan dan pengurusan," kata beliau.

Beliau menekankan yang ramai usahawan yang gagal akibat kurang memberi perhatian kepada faktor berkenaan.

Timbalan Perdana Menteri mengingatkan, penglibatan yang melulu terhadap rancangan-rancangan perusahaan besar oleh usahawan bumiputera menimbulkan risiko yang besar.

Kumpulan usahawan bumiputera yang terlalu bernafsu besar akhirnya menimbulkan akibat buruk dalam bentuk

214
mengurangkan lagi jumlah modal bumiputera yang sedikit itu dengan kegagalan rancangan-rancangan perusahaan besar yang mereka libati, tegas Timbalan Perdana Menteri.

Beliau menegaskan yang beliau menyedari bahawa Allahyarham Tun Abdul Razak pernah menyeru bumiputera supaya 'think big' tetapi dalam hubungan ini usahawan bumiputera perlu 'think small' dahulu, ujar beliau.

Menyentuh tentang kemudahan-kemudahan dan bantuan kerajaan, Dr. Mahathir berkata semuanya itu tidak akan memberi makna pada usahawan bumiputera tanpa disertai dengan sikap tekun dan dedikasi dalam menghadapi cabaran perniagaan.

Kerajaan sebaliknya telah bersedia mengulurkan bantuan-bantuan pada beberapa peringkat usahawan seperti yang dibuktikan dengan jumlah \$30 juta untuk menyediakan tempat-tempat perniagaan bagi orang-orang miskin yang berniat menjalankan perniagaan dalam rancangan pembangunan sekarang, katanya.

Beliau juga menyatakan keyakinannya bahawa orang-orang bukan bumiputera juga mendapat menafaat dengan tambah beradanya kaum bumiputera.

Ini terbukti pada contoh-contoh di rancangan MADA di mana kontrak-kontrak yang banyak diberikan pada bukan bumiputera dan pertambahan pendapatan para petani rancangan Muda yang mengalir pada para pedagang bukan bumiputera.